

BERITA HARIAN

DATE: 30/4/2010

MCA kena jauhi kumpulan ekstremis Cina: Dr Mahathir

BH - 30/04/2010

Isu perkauman tidak sepatut dibincang secara terbuka

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: MCA perlu menjauhi kumpulan ekstremis Cina sekiranya parti itu mahu Umno berbuat demikian dengan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang disifatkan mereka sebagai rasis, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, wujud banyak kumpulan ekstremis Cina di negara ini, malah mendakwa ada yang mengeluarkan kenyataan media berbau rasis seperti 'sebenarnya tiada orang yang boleh dikatakan Melayu'.

Dalam konteks itu, katanya, boleh dikatakan keadaannya seimbang kerana per-

tubuhan seperti Perkasa juga bertindak membuat kenyataan balas terhadap dakwaan kumpulan ekstremis Cina terbabit.

"Sebab itulah kita mengatakan bahawa isu perkauman tidak harus dibincangkan secara terbuka. (Apabila) seseorang mengatakan sesuatu, orang lain mesti menjawab balik. Anda mengatakan orang lain rasis, mereka juga mengatakan anda rasis," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Syarahan Presiden bertajuk 'Malaysia Sebagai Sebuah Negara Maritim - Adakah Kita Di Sana?' anjuran Institut Kelautan Malaysia (Ikmal) di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden MCA, Gan Ping Sieu, Selasa lalu, me-

mintanya BN, khususnya Umno menjauhi diri daripada segala bentuk pertubuhan bersifat rasis seperti Perkasa sekiranya ingin mengembalikannya sokongan masyarakat bukan Melayu pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Mengulas dakwaan Gan

“Sebab itulah isu perkauman tidak harus dibincangkan secara terbuka. Apabila seseorang mengatakan sesuatu, orang lain mesti menjawab balik”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

bahawa pengundi Cina menolak BN kerana faktor Perkasa, Dr Mahathir menjawab mungkin pengundi Melayu menyokong BN kerana pertubuhan itu.

Dr Mahathir percaya dakwaan bahawa masyarakat Cina tidak menyokong BN adalah benar kerana ia dapat diketahui berdasarkan sistem pengiraan undi mengikut saluran di pusat pengundian.

Bagaimanapun, beliau berkata, terpulang kepada kerajaan untuk mengkaji punca pengundi Cina menolak BN kerana sokongan semua masyarakat adalah penting.

Dalam pada itu, katanya, faktor lain yang turut menjejaskan BN ialah pengundi keliru kerana masalah dalam yang dihadapi parti komponen masing-masing.